



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS	:	PENGURUSAN MAKMAL DAN BENGKEL
KOD KURSUS	:	BBT 30603
PROGRAM	:	SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL (AUTOMOTIF)
TARIKH PEPERIKSAAN	:	MAC 2013
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	JAWAB LIMA (5) SOALAN SAHAJA DARI TUJUH (7) SOALAN YANG DISEDIAKAN.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI EMPAT (4) MUKA SURAT

- S1** Pengurusan makmal adalah merupakan satu seni pengurusan dalam memastikan makmal dapat diurus dengan lebih cekap dan berkesan. Justeru itu pengetahuan dalam aspek mengurus perlulah dikuasai oleh guru dalam kelangsungan kecemerlangan di sekolah.
- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pengurusan sagi satu seni ?
(3 markah)
- (b) Berbantukan contoh yang sesuai, terangkan bagaimana hendak merancang, mengarah, mengawal dan bertindak untuk melaksanakan perubahan di bengkel jika anda di lantik Ketua Sektor 5 S.
(7 markah)
- (c) Huraikan secara terperinci salah satu dari dua pendekatan sains pengurusan.
(10 markah)
- S2** (a) Apakah fungsi Jawatankuasa dan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP) dan tiga (3) kepentinganya di industri.
(5 markah)
- (b) Berbantukan contoh yang sesuai, terangkan bagaimana penyiasatan kemalangan dapat dilakukan mengikut prosedur yang betul oleh Pegawai Keselamatan & Kesihatan (SHO)
(5 markah)
- (c) Bincangkan bagaimana sistem pengauditan OSH-MS 18001 dapat membantu mengurangkan risiko kemalangan di tempat kerja.
(10 markah)
- S3** (a) Susun atur mesin dan peralatan hendaklah dibuat dengan teliti untuk membolehkan setiap mesin boleh digunakan secara efektif dan selamat.
Terangkan maksud ruang dan tempat dalam susun atur mesin.
(5 markah)
- (b) Berbantukan contoh yang sesuai, huraikan maksud kontrak *lum sum* yang sering digunakan dalam pembinaan makmal.
(5 markah)
- (c) Lakarkan pelan lantai bengkel automotif dan terangkan secara ringkas bagaimana perkara di bawah perlu diambil kira dalam susun atur bengkel
- (i) Mekanikal
 - (ii) Elektrikal
 - (iii) Awam
- (10 markah)

- S4** (a) Terangkan tiga (3) tindakan yang perlu dilakukan semasa proses penyimpanan.
(3 markah)
- (b) Berbantukan contoh yang sesuai, terangkan perbezaan penggunaan kod warna kuning, biru dan oren di dalam sesebuah bengkel.
(7 markah)
- (c) Dengan menggunakan carta alir, terangkan amalan ISO 9001:2008 mentadbir storan (pengeluaran bahan guna habis) bidang automotif bagi proses pengauditan.
(10 markah)
- S5** (a) Jelaskan maksud dan tiga (3) kepentingan penyelenggaraan.
(3 markah)
- (b) Dengan berbantukan contoh yang sesuai, jelaskan bagaimana melaksanakan penyelenggaraan yang berkesan pada sesebuah mesin atau peralatan di bengkel.
- (i) Mingguan
 - (ii) Bulanan
 - (iii) Tahunan
- (7 markah)
- (d) Huraikan faktor-faktor yang perlu diambil kira dalam melaksanakan penyelenggaraan agar sistem di bawah dapat bertahan lebih lama.
- (i) Mesin & peralatan (mekanik)
 - (ii) Pendawaian elektrik (elektrikal)
 - (iii) Struktur bangunan & lantai (awam)
- (10 markah)
- S6** (a) Jelaskan maksud pelupusan dan tiga (3) kriteria yang perlu di ambil kira dalam melupuskan aset-aset kerajaan atau Hak Kerajaan Malaysia (HKM)
(10 markah)
- (b) Berbantukan carta alir, terangkan bagaimana proses pelupusan kenderaan dapat dilakukan mengikut peruntukan kuasa Perbendaharaan Malaysia.
(10 markah)

S7 Terdapat lapan (8) proses asas yang boleh dijadikan panduan apabila mentadbir sesebuah stor iaitu perolehan, penerimaan, perekodan, penyimpanan, pengeluaran, kawalan, pemeriksaan dan verifikasi serta keselamatan stor.

- (a) Nyatakan maksud bagi lima (5) daripada proses asas di atas. (5 markah)
- (b) Terangkan lima (5) daripada enam langkah perlu diberikan perhatian semasa membuat penerimaan dari pembekal. (5 markah)
- (c) Terangkan enam (6) daripada lapan garis panduan keselamatan stor yang harus diberikan keutamaan bagi memastikan aset industri ini sentiasa bersedia untuk digunakan pada waktu yang diperlukan. (10 markah)

- SOALAN TAMAT -